

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan

Sidang 1986/87

B00 345/2 Haiwan Protozoa & Helmint

Tarikh: 26 Jun 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pg.
(2 Jam)

Bahagian A adalah Wajib dan mengandungi

DUA soalan. Tiap-tiap soalan bernilai

20 markah.

Bahagian B. DUA soalan mesti dijawab

di mana tiap-tiap soalan bernilai 30 markah.

...2/-

Bahagian A (Wajib)

1. Tuliskan nota-nota pendek tentang EMPAT daripada tajuk-tajuk berikut:-

- (a) Larva migrans kutaneous
- (b) Perumah perantara
- (c) Onkomirasidium
- (d) Haiwan Acanthocephala
- (e) Pleroserkoid

(20 markah)

2. Schistosomiasis merupakan satu penyakit yang penting di negara-negara Asia dan Afrika. Huraikan kitar hidupnya.

(20 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan dari yang berikut:-)

3. Apakah cara-cara yang digunakan oleh haiwan Cestoda dan Trematoda untuk menaikkan kadar pembiakan bagi menjayakan kitar hidup mereka.

(30 markah)

(BOO 345/2)

4. (a) Huraikan empat jenis morfologi
haiwan Trematoda.

(10 markah)

- (b) Bagaimanakah parasit-parasit yang
menjangkiti manusia boleh dikawalkan.

(20 markah)

5. (a) Apakah keimunan? Bagaimanakah
parasit-parasit mengatasi mekanisme
pertahanan perumahannya.

(15 markah)

- (b) Jika anda adalah suatu parasit, mengapakah
anda pilih kediaman dalam usus perumah anda?

(15 markah)

-ooo000ooo-

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan

Sidang 1986/87

B00 346/2 Perlakuan Haiwan

Tarikh: 24 Jun 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 Jam)

Bahagian A adalah Wajib dan mengandungi
DUA soalan. Tiap-tiap soalan bernilai
20 markah.

Bahagian B. DUA soalan mesti dijawab
di mana tiap-tiap soalan bernilai 30 markah.

...2/-

Bahagian A (Wajib)

1. Tuliskan nota pendek untuk DUA tajuk daripada yang berikut:-

- (a) Perlakuan agonistik ikan pelaga.
- (b) Perlakuan pembiakan burung malee.
- (c) Fenomenon 'imprinting'
- (d) Perkembangan perlakuan mematuk oleh anak ayam.

(20 markah)

2. Bincangkan andaian-andaian yang di buat untuk mengkaji perlakuan senggama burung terkukur di dalam sangkar ternakan. Cadangkan bagaimana andaian tersebut dapat ditentukan samada betul atau tidak.

(20 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan dari yang berikut:-)

3. Bincangkan bagaimana hormon mempengaruhi perlakuan yang dipamirkan oleh haiwan. Gunakan contoh tertentu untuk menjelaskan perbincangan anda.

(30 markah)

(B00 346/2)

4. Organisasi perlakuan yang teratur amat berfaedah untuk haiwan yang sosial di semua peringkat kitaran hidupnya. Bincangkan.

(30 markah)

5. (a) Huraikan DUA jenis model terhadap motivasi perlakuan.
- (b) Merujuk kepada sejenis perlakuan yang dipamirkan oleh sejenis haiwan tertentu, cadangkan satu kaedah yang boleh digunakan untuk mengukur motivasinya.

(30 markah)

-ooo000ooo-